



THE
SARAWAK GOVERNMENT GAZETTE
PART II

Published by Authority

Vol. LXXXI

10th April, 2026

No. 17

Swk. L. N. 93

MAJLIS ISLAM SARAWAK ORDINANCE, 2001

FATWA RULING ON THE TEACHING OF THE AHMADI RELIGION OF
PEACE AND LIGHT

(Made under section 37)

In exercise of the powers conferred by section 37 of the Majlis Islam Sarawak Ordinance, 2001 [*Cap. 41*], the Majlis Islam Sarawak, upon the concurrence of the Yang di-Pertua Negeri, has made the following Fatwa:

Citation and Commencement

1. This Fatwa may be cited as the **Fatwa Ruling on the Teaching of the Ahmadi Religion of Peace and Light** and shall be deemed to have come into force on the 5th day of February, 2026.

Fatwa Ruling on the Teaching of the Ahmadi Religion of Peace and Light

2. The beliefs and teachings of the Ahmadi Religion of Peace and Light are heretical and deviate from the teachings of Islam as they contain elements such as the following, among others—

(a) Belief regarding Imam Mahdi

Believing that Muhammad bin al-Hassan al-Askari (the 12th Shiite Imam) is Imam al-Mahdi who is hiding and will appear at the end of time, and that he has twelve helpers (minor Mahdis) including Ahmad al-Hasan (al-Yamani) and Abdullah Hashem (Al-Qaim) who will bring a new *syariat* and lead the ummah to welcome Imam al-Mahdi.

(b) Claim that Islam is not perfected yet

Claiming that Imam al-Mahdi will perfect the religion of Islam and that the shariah brought by Ahmad al-Hasan will change legal rulings according to the times.

(c) Rejection of the concept of the hereafter

Denying the existence of the paradise and hell in the hereafter, interpreting the paradise is in this world and hell as the sun.

(d) False accusations against the prophets and messengers

Associating the prophets with prohibited acts, incestuous relations, *mahram* marriages and identity disguises such as claiming Prophet Idris *alaihissalam* as Osiris and Prophet Isa *alaihissalam* as Angel Jibril (Gabriel) and alleging that the wife of Prophet Nuh *alaihissalam* committed adultery.

(e) Insulting the prophets and messengers

Accusing that there were prophets whose prophethood was almost withdrawn, alleging that the Prophet Muhammad *Sallallahu alaihi wasallam*, concealed the position of Saidina Ali *radiallahuanhu*, and slandering Abu Bakar and Umar *radiallahuanhu* as having misled the Muslim ummah.

(f) Deviant theological beliefs

Adhering to the concept of reincarnation (rebirth) and rejecting the existence of the angels who record deeds, claiming that they are mere symbolic.

(g) Distortion of the Al-Quran

Claiming that the Al-Quran today is incomplete, distorted and that the complete version exists only with Saidina Ali *radiallahuanhu* inherited by the Shiite Imams until today.

(h) Teachings regarding the creation of the universe

Claiming that there are parties other than Allah involved in the creation of human beings and the universe.

(i) Distorting hukum *syarak*

Making intoxicating drinks permissible, claiming that homosexuality was not prohibited during the time of Prophet Luth *alaihissalam* and rejecting the obligation of hijab for women.

(j) Distorting the acts of worship

Interpreting salah as submission to their imams and *wali* and not the five daily prayers to Allah; by associating each prayer time with particular figures.

(k) Claims regarding the Kaaba and the pilgrimage

Claiming that the Kaaba in Mecca was merely a Quraysh's structure and the real Kaaba is located in Petra, Jordan.

(l) Distorting the Hijri calendar

Claiming that the Islamic calendar should be based on the *syamsiyyah* year, that the real Ramadan falls in December, and that Muslims have been fasting and performing pilgrimage at the wrong time.

3. All Muslims shall avoid the teachings, beliefs, and creeds as stated in paragraph (2) and are prohibited from adhering to, believing in, teaching, spreading, practicing, or becoming a follower or their agent. Any person who adheres to, believes in, teaches, spreads, practices, or becomes a follower of the teachings, beliefs, and creeds as stated in paragraph (2) shall repent with *taubat nasuha* (sincere repentance).

4. Any publicity materials and publications promoting the teachings, beliefs and creeds of those who adhere to the teachings of the Ahmadi Religion of Peace and Light, or any beliefs and teachings similar to them, in any form of publication, printing, or broadcast through any website, blog, Facebook, X (Twitter) or other social media are blocked.

5. All Muslims must adhere to the creed of Ahli Al-Sunnah Wa al-Jama'ah in matters of creed, *syariah* and *tasawuf/akhlak* based on the true understanding of Islam.

Dated this 16th February, 2026.

DATUK HAJI MISNU BIN HAJI TAHA

*Yang Dipertua
Majlis Islam Sarawak*

ORDINAN MAJLIS ISLAM SARAWAK, 2001

FATWA HUKUM AJARAN *THE AHMADI RELIGION OF PEACE AND LIGHT*

(Dibuat di bawah seksyen 37)

Pada menjalankan kuasa – kuasa yang diberikan kepada Majlis Islam Sarawak oleh seksyen 37 Ordinan Majlis Islam Sarawak, 2001 [Bab 41], Majlis Islam Sarawak dengan persetujuan Yang di-Pertua Negeri, telah mengeluarkan Fatwa berikut:

Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa

1. Fatwa ini bolehlah dinamakan **Fatwa Hukum Ajaran *The Ahmadi Religion of Peace and Light*** dan hendaklah berkuat kuasa pada 5 Februari 2026.

Hukum Ajaran *The Ahmadi Religion of Peace and Light*

2. Ajaran, pegangan dan fahaman *The Ahmadi Religion of Peace and Light* adalah menyeleweng dan bertentangan dengan ajaran Islam kerana mengandungi elemen-elemen seperti berikut, antaranya—

(a) Kepercayaan terhadap Imam Mahdi

Mempercayai Muhammad bin al-Hassan al-Askari (Imam Syiah ke-12) sebagai Imam al-Mahdi yang bersembunyi dan akan muncul pada akhir zaman, mempunyai dua belas penolong (Mahdi-Mahdi kecil) termasuk Ahmad al-Hasan (al-Yamani) dan Abdullah Hashem (Al-Qaim) yang membawa syariat baharu dan memimpin umat menyambut Imam al-Mahdi

(b) Dakwaan agama Islam belum sempurna

Mendakwa Imam al-Mahdi akan menyempurnakan agama Islam dan syariat yang dibawa oleh Ahmad al-Hasan akan mengubah hukum mengikut zaman.

(c) Penolakan konsep akhirat

Menafikan kewujudan syurga dan neraka akhirat, mentakwil syurga sebagai di dunia dan neraka sebagai matahari.

(d) Tuduhan palsu terhadap para nabi dan rasul

Mengaitkan para nabi dengan perbuatan terlarang, hubungan sumbang, perkahwinan mahram, penyamaran identiti seperti Nabi Idris sebagai Osiris dan Nabi Isa sebagai Malaikat Jibril serta mendakwa isteri Nabi Nuh *alaihissalam* melakukan zina.

(e) Menghina para nabi dan rasul

Menuduh ada nabi yang hampir ditarik kenabiannya, menuduh Nabi Muhammad *Sallallahu alaihi wasallam*. menyembunyikan kedudukan Saidina Ali *radiallahuanhu*, serta memfitnah Abu Bakar dan Umar *radiallahuanhu* memesongkan umat Islam.

(f) Pegangan akidah sesat

Berpegang kepada konsep reinkarnasi (kelahiran semula) dan menolak kewujudan malaikat pencatat amal dengan mendakwa ia simbolik semata-mata.

(g) Penyelewengan terhadap Al-Quran

Mendakwa Al-Quran hari ini tidak lengkap, diseleweng, dan versi lengkap hanya pada Saidina Ali *radiallahuanhu* yang diwarisi para imam Syiah sehingga kini.

(h) Ajaran mengenai penciptaan alam

Mendakwa ada pihak selain Allah yang terlibat dalam penciptaan manusia dan alam.

(i) Penyelewengan hukum syarak

Menghalalkan arak, menganggap homoseksual tidak haram pada zaman Nabi Lut *alaihissalam*, dan menolak kewajiban hijab bagi wanita.

(j) Penyelewengan ibadah

Mentafsir solat sebagai tunduk kepada imam dan wali mereka, bukan ibadah lima waktu kepada Allah, malah setiap waktu dikaitkan dengan tokoh tertentu.

(k) Dakwaan terhadap Kaabah dan ibadah haji

Mendakwa Kaabah di Mekah hanya binaan Quraisy dan Kaabah sebenar berada di Petra, Jordan.

(l) Penyelewengan takwim hijriyyah

Mendakwa kalendar Islam sepatutnya berasaskan tahun syamsiyyah, Ramadan sebenar jatuh pada Disember, dan umat Islam selama ini berpuasa serta menunaikan haji pada waktu yang salah.

3. Semua orang Islam hendaklah menjauhi ajaran, pegangan dan fahaman sebagaimana yang dinyatakan dalam perenggan (2) dan dilarang berpegang pada, mempercayai, mengajar, menyebarkan, mengamalkan atau menjadi pengikutnya atau agen. Mana-mana orang yang berpegang pada, mempercayai, mengajar, menyebarkan, mengamalkan atau menjadi pengikut ajaran, pegangan dan fahaman

sebagaimana yang dinyatakan dalam perenggan (2) hendaklah bertaubat dengan taubat nasuha.

4. Apa-apa jua bahan publisiti dan sebaran yang menonjolkan ajaran, pegangan dan fahaman mereka yang berpegang dengan fahaman dan ajaran *The Ahmadi Religion of Peace and Light* atau apa-apa fahaman dan ajaran yang mempunyai persamaan dengannya dalam apa jua bentuk penebitan dan cetakan atau siaran dalam mana-mana laman sesawang, blog, Facebook, X (Twitter) atau media sosial lain adalah disekat.

5. Umat Islam hendaklah berpegang kepada pegangan Ahli Al-Sunnah Wa al-Jama'ah daripada aspek akidah, syariah dan tasawuf/akhlak yang berdasarkan kefahaman Islam sebenar.

Bertarikh pada 16hb Februari 2026.

DATUK HAJI MISNU BIN HAJI TAHA
Yang Dipertua
Majlis Islam Sarawak

MIS/SLT/94/Jid.3

Swk. L. N. 94

MAJLIS ISLAM SARAWAK ORDINANCE, 2001

FATWA RULING ON THE TEACHING OF MHD MOHIB KHOULI NAZEM

(Made under section 37)

In exercise of the powers conferred by section 37 of the Majlis Islam Sarawak Ordinance, 2001 [*Cap. 41*], the Majlis Islam Sarawak, upon the concurrence of the Yang di-Pertua Negeri, has made the following Fatwa:

Citation and Commencement

1. This Fatwa may be cited as the **Fatwa Ruling on the Teaching of Mhd Mohib Khouli Nazem** and shall be deemed to have come into force on the 5th day of February, 2026.

Fatwa Ruling on the Teaching of Mhd Mohib Khouli Nazem

2. The teachings, beliefs, and creeds brought by Mhd Mohib Khouli Nazem are heretical and deviate from the Islamic teachings based on the creed of Ahli Al-Sunnah Wa al-Jama'ah. The characteristics of the deviation include—

- (a) claiming that Allah *Subhanahu Wa Ta'ala* may have a child;
- (b) claiming that Allah *Subhanahu Wa Ta'ala* appears to possess

attributes and a physical form similar to those of created beings;

(c) misguiding by asserting that the creed of Ahli Al-Sunnah Wa al-Jama'ah, which adheres to the manhaj al-Asya'irah and al-Maturidiyah in interpreting the verses concerning the attributes of Allah *Subhanahu Wa Ta'ala* such as Istiwa', Wajh, Yad and the like, is deviant, similar to the teachings of Muktazilah dan Jahmiyyah;

(d) claiming that the creed of al-Asya'irah has deviated from the true teachings of Islam;

(e) claiming that the creed of Ahli Al-Sunnah Wa al-Jama'ah such as Imam Abu al-Hassan al-Ash'ari, Imam al-Syahrastani, Imam al-Ghazali, Imam Fakhruddin al-Razi, Imam Izzuddin Ibn Abd al-Salam and Imam al-Nawawi is similar to the deviant creed of the Jahmiyyah;

(f) claiming that Imam Abu Hanifah died in the state of disbelief;

(g) claiming that it is not valid to perform prayer behind an imam who adheres to the creed of al-Asya'irah, and that if one performs the Friday prayer behind an imam who follows the al-Asya'irah creed, the prayer must be repeated as the Zuhr prayer.

3. All Muslims shall avoid the teachings, beliefs, and creeds as stated in paragraph (2) and is prohibited from adhering to, believing in, teaching, spreading, practicing, or becoming a follower or their agent. Any person who adheres to, believes in, teaches, spreads, practices, or becomes a follower of the teachings, beliefs, and creeds as stated in paragraph (2) shall repent with *taubat nasuha* (sincere repentance).

4. No person shall possess, keep, sell, upload, download, distribute, circulate, display, or publish any posters, books, magazines, pamphlets, or any other reading materials, whether printed, typed, handwritten, or produced in any form or reproduction, including any films, audiovisual recordings, recordings, websites, print media, or electronic media that contain elements of the teachings, beliefs, and ideologies as stated in paragraph (2).

5. All Muslims are prohibited from abetting the commission of the prohibited acts mentioned in paragraphs (3) and (4).

6. Any Muslim who has pledged *bai'ah* to, or practices the ideology and teachings of Mhd Mohib Khouli Nazem shall be deemed to be acting contrary to the true teachings of Islam according to the creed of Ahli Al-Sunnah Wa al-Jama'ah and shall immediately repent and seek forgiveness from Allah *Subhanahu Wa Ta'ala*.

Dated this 16th day of February, 2026.

DATUK HAJI MISNU BIN HAJI TAHA
Yang Dipertua
Majlis Islam Sarawak

ORDINAN MAJLIS ISLAM SARAWAK, 2001
FATWA HUKUM AJARAN MHD MOHIB KHOULI NAZEM
(Dibuat di bawah seksyen 37)

Pada menjalankan kuasa – kuasa yang diberikan kepada Majlis Islam Sarawak oleh seksyen 37 Ordinan Majlis Islam Sarawak, 2001 [*Bab 41*], Majlis Islam Sarawak dengan persetujuan Yang di-Pertua Negeri, telah mengeluarkan Fatwa berikut:

Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa

1. Fatwa ini bolehlah dinamakan **Fatwa Hukum Ajaran Mhd Mohib Khouli Nazem** dan hendaklah berkuat kuasa pada 5 Februari 2026.

Hukum Ajaran Mhd Mohib Khouli Nazem

2. Ajaran, pegangan dan fahaman yang dibawa oleh Mhd Mohib Khouli Nazem adalah sesat dan menyeleweng daripada ajaran Islam berdasarkan Ahli Al-Sunnah Wa al-Jama'ah. Ciri-ciri penyelewengannya termasuklah—

- (a) mendakwa bahawa Allah *Subhanahu Wa Ta'ala* harus mempunyai anak;
- (b) mendakwa bahawa Allah *Subhanahu Wa Ta'ala* seolah-olah mempunyai sifat dan jisim yang sama seperti makhluk;
- (c) menyesatkan pegangan Ahli Al-Sunnah Wa al-Jama'ah yang berpegang kepada manhaj al-Asya'irah dan al-Maturidiyah dalam mentakwil ayat sifat Allah *Subhanahu Wa Ta'ala* seperti Istiwa', Wajh, Yad dan seumpamanya sebagai sesat sebagaimana ajaran Muktazilah dan Jahmiyyah;
- (d) mendakwa bahawa akidah al-Asya'irah telah terkeluar daripada ajaran agama Islam sebenar;
- (e) mendakwa bahawa akidah para ulama' Ahli Al-Sunnah Wa al-Jama'ah seperti Imam Abu al-Hassan al-Ash'ari, Imam al-Syahrastani, Imam al-Ghazali, Imam Fakhruddin al-Razi, Imam Izzuddin Ibn Abd al-Salam dan Imam al-Nawawi mempunyai pegangan yang sama dengan akidah golongan Jahmiyyah yang sesat;

(f) mendakwa bahawa Imam Abu Hanifah mati dalam keadaan kekufuran;

(g) mendakwa bahawa tidak sah solat di belakang imam yang berpegang dengan akidah al-Asya'irah, sekiranya solat Jumaat di belakang imam yang bermazhab al-Asya'irah maka solatnya hendaklah diulang dengan solat Zohor.

3. Semua orang Islam hendaklah menjauhi ajaran, pegangan dan fahaman sebagaimana yang dinyatakan dalam perenggan (2) dan dilarang berpegang pada, mempercayai, mengajar, menyebarkan, mengamalkan atau menjadi pengikutnya atau agen. Mana-mana orang yang berpegang pada, mempercayai, mengajar, menyebarkan, mengamalkan atau menjadi pengikut ajaran, pegangan dan fahaman sebagaimana yang dinyatakan dalam perenggan (2) hendaklah bertaubat dengan taubat nasuha.

4. Tiada seorang pun boleh memiliki, menyimpan, menjual, memuat naik, memuat turun, menyebarkan, mengedarkan, menggantungkan atau menerbitkan apa-apa poster, buku, majalah, risalah atau apa-apa bahan bacaan lain sama ada dicetak, ditaip, ditulis tangan atau dikeluarkan dalam apa-apa bentuk keluaran atau ulangannya, termasuklah apa-apa filem, audio visual, rakaman, laman sesawang, media cetak atau media elektronik yang mengandungi ciri-ciri ajaran, pegangan dan fahaman sebagaimana yang dinyatakan dalam perenggan (2).

5. Semua orang Islam adalah dilarang daripada bersubhat dalam melakukan mana-mana perkara yang dilarang dalam perenggan (3) dan (4).

6. Mana-mana orang Islam yang telah berbai'ah atau mengamalkan fahaman dan ajaran Mhd Mohib Khouli Nazem adalah disifatkan bercanggah dengan ajaran Islam yang sebenar menurut pegangan Ahli Al-Sunnah Wa al-Jama'ah dan hendaklah segera bertaubat serta memohon keampunan daripada Allah *Subhanahu Wa Ta'ala*.

Bertarikh pada 16hb Februari 2026.

DATUK HAJI MISNU BIN HAJI TAHA

*Yang Dipertua
Majlis Islam Sarawak*

SAGGC

